

BAB 3 : ISI RUMAH SEBAGAI PENGGUNA

SPM2004

1. Apakah objektif penggunaan isi rumah?
 - A. Membeli barang yang diinginkan.
 - B. Memilih barang yang berkualiti
 - C. Membeli barang dengan kuantiti yang maksimum.
 - D. Memilih barang yang memberi utiliti maksimum.

2. Antara berikut, yang manakah benar tentang keluk permintaan?
 - A. Hubungan antara harga dan kuantiti yang diminta adalah positif.
 - B. Penurunan harga menyebabkan permintaan berkurangan.
 - C. Keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan.
 - D. Menunjukkan kuantiti yang diminta pada setiap peringkat harga.





3. Apabila harga barang X meningkat, permintaan barang Y juga meningkat. Antara berikut, yang manakah mewakili barang X dan barang Y?

	Barang X	Barang Y
A	Milo	Gula
B	Kasut	Stokin
C	Ayam	Ikan
D	Kerusi	Meja


4. Maklumat berikut boleh menyebabkan perubahan dalam permintaan barang Z.

- Harga barang Z dijangka meningkat pada masa depan
- Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan.

Keluk yang manakah menunjukkan perubahan permintaan bagi barang Z?



5. Rajah 2 dibawah menunjukkan pergerakan X ke Y disepanjang keluk permintaan (DD).




Rajah 2

Pergerakan dari X ke Y berlaku disebabkan

- A. Kenaikan harga barang itu.
- B. Kejatuhan harga barang itu.
- C. Kenaikan harga barang penggenap
- D. Kejatuhan harga barang penggenap.

6. Rajah 3 dibawah menunjukkan keluk permintaan barang M.



Rajah 3

Tafsirkan nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi barang M.

- A. Apabila harga jatuh 33.3% menyebabkan kuantiti permintaan jatuh sebanyak 20%.
- B. Apabila harga jatuh 33.3% menyebabkan kuantiti permintaan meningkat sebanyak 20%.
- C. Apabila kuantiti permintaan meningkat sebanyak 20% menyebabkan harga jatuh 33.3%.
- D. Apabila kuantiti permintaan jatuh sebanyak 20% menyebabkan harga jatuh 33.3%.

SPM2005

1. Maklumat berikut merujuk kepada suatu unit ekonomi.

- Membekalkan faktor-faktor pengeluaran
- Bersama-sama membuat keputusan ekonomi.
- Menggunakan barang dan perkhidmatan

Unit ekonomi itu ialah

- A. Buruh
 - B. Individu
 - C. Isi rumah
 - D. Pengguna
2. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga dan permintaan terhadap motosikal tempatan berjenama Ammo bagi bulan Mac dan Julai 2004.

Bulan	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Diminta (Unit)
Mac 2004	3 800	19 000
Julai 2004	3 800	39 000

Faktor manakah yang mempengaruhi perubahan permintaan motosikal itu pada bulan Julai 2004 berbanding bulan Mac 2004?

- I Harga petrol telah meningkat
- II Cukai motosikal import dinaikkan
- III Pendapatan boleh guna individu merosot
- IV Kadar faedah skim sewa beli dikurangkan

- A. I dan III
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV

3. Jadual di bawah menunjukkan permintaan komputer dari tahun 2002 hingga 2004.

Tahun	Harga seunit (RM)	Jumlah Permintaan Komputer (unit)
2002	3 500	20 000
2003	3 000	40 000
2004	3 200	30 000

Hitungkan keanjalan harga permintaan komputer apabila harga meningkat daripada RM3 000 kepada RM3 200.

- A. 3.13
- B. 3.75
- C. 5.30
- D. 6.67

4. Berikut adalah iklan promosi telefon kamera Syarikat RC Tel Sdn Bhd bagi bulan Februari.



Telefon Kamera

Promosi Bulan Februari
Harga Biasa RM1 600

**Tawaran Istimewa
RM1 200**

Syarikat RC Tel Sdn. Bhd. Telefon: 012-4155524

Setelah tamat tempoh promosi, Syarikat RC Tel Sdn Bhd mendapati jualan telefon kamera bagi bulan Februari telah meningkat sebanyak 30%. Ini menunjukkan

- A. Permintaan telefon kamera itu anjal
- B. Penawaran telefon kamera itu anjal
- C. Permintaan telefon kamera itu tidak anjal
- D. Penawaran telefon kamera itu tidak anjal.


SPM2006

1. Apakah peranan isi rumah?
 - A. Membekalkan input pengeluaran
 - B. Menawarkan barang dan perkhidmatan
 - C. Menerima pendapatan dalam bentuk sewa dan faedah
 - D. Mendapat untung dari aktiviti menjual barang dan perkhidmatan

2. Utiliti adalah kepuasan yang diperoleh daripada
 - A. Purata penggunaan sesuatu barang dan perkhidmatan
 - B. Tambahan penggunaan barang dan perkhidmatan
 - C. Penggunaan sesuatu barang dan perkhidmatan
 - D. Gabungan barang dan perkhidmatan

3. Kenaikan harga kopi sebanyak 5% telah menyebabkan permintaan jatuh sebanyak 10%. Berapakah nilai keanjalan harga permintaan kopi?
 - A. 0.5
 - B. 2.0
 - C. 5.0
 - D. 15

4. Rajah 1 dibawah menunjukkan perubahan keluk permintaan barang R.




Rajah 1

Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan keluk permintaan berubah dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- I Peningkatan dalam cita rasa pengguna
- II Peningkatan cukai ke atas barang R
- III Pertambahan pendapatan pengguna
- IV Kenaikan harga barang penggenap

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

5. Rajah 2 di bawah menunjukkan permintaan terhadap barang M.



Rajah 2

Berapakah kuantiti X jika nilai keanjalan harga barang tersebut ialah 1?

- A. 40 unit
- B. 50 unit
- C. 60 unit
- D. 80 unit


SPM2007

1. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan peranan isi rumah?

- I Membekalkan buruh, tanah, dan modal kepada firma
- II Menerima ganjaran daripada firma dalam bentuk pendapatan faktor
- III Menguruskan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan
- IV Menggunakan barang dan perkhidmatan daripada firma untuk memenuhi keperluan dan kehendak

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

2. Rajah 1 di bawah menunjukkan keluk permintaan barang X.



Rajah 1


Antara yang berikut, pernyataan yang manakah yang benar?

- I Apabila barang naik daripada RM80 kepada RM100, kuantiti diminta meningkat sebanyak satu unit.
- II Apabila harga turun daripada RM60 kepada RM40, kuantiti diminta bertambah daripada 3 unit kepada 4 unit.
- III Keluk DD mencerun ke bawah dari kiri ke kanan

IV Keluk DD menunjukkan hubungan yang positif antara harga dengan kuantiti diminta.

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

3. Rajah 2 dibawah menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang.



Rajah 2

Peralihan keluk D_0D_0 ke D_1D_1 disebabkan oleh


- I peningkatan pendapatan pengguna
- II peningkatan harga barang pengganti
- III peningkatan cukai pendapatan
- IV jangkaan harga akan turun pada masa depan

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

4. Apakah kesan kepada kuantiti diminta jika harga turun sebanyak 35% bagi permintaan barang anjal?

- A. Menurun lebih daripada 35%
- B. Meningkat lebih daripada 35%
- C. Menurun kurang daripada 35%
- D. Meningkat kurang daripada 35%

SPM2008



Rajah 1

1. Rajah 1 di atas menunjukkan peralihan keluk permintaan suatu barang.

Apakah faktor yang menyebabkan keluk permintaan beralih dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- I Kenaikan harga barang pengganti
- II Penurunan pendapatan pengguna
- III Jangkaan harga akan turun pada masa depan
- IV Penurunan kadar cukai pendapatan perseorangan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

2. Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (Unit)
10	5
20	4

Berapakah keanjalan harga permintaan jika harga berubah daripada RM10 kepada RM20?

- A. 0.20
- B. 0.25
- C. 0.40
- D. 0.50

3. Maklumat berikut merujuk kepada pekali keanjalan harga permintaan bagi Barang X dan Barang Y.

	Barang X	Barang Y
Pekali keanjalan	1.5	0.5

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh peniaga untuk meningkatkan hasil jualan bagi setiap barangan berikut?

	Barang X	Barang Y
A	Naikkan harga	Turunkan harga
B	Kekalkan harga	Turunkan harga
C	Turunkan harga	Naikkan harga
D	Naikkan harga	Kekalkan harga